

01/02/1999

Dr M sedia hadapi saman malu

Azizi Othman in Davos

DAVOS, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersedia menghadapi saman malu yang dikemukakan terhadapnya oleh bekas timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Jika Anwar kata dia mahu saman saya dan undang-undang mendapati dia memang berhak berbuat demikian. Dia boleh melakukannya dan saya sedia berdepan dengan akibatnya," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Perdana Menteri yang berada di sini bagi menghadiri mesyuarat tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF) berkata, beliau juga bersedia memberi keterangan dalam kes mahkamah membabitkan Anwar jika mahkamah memutuskan demikian.

Beliau berkata, jika pihak pendakwa dalam kes berkenaan mahu melakukan demikian dan mahkamah memutuskan memang mereka berhak berbuat begitu, beliau akur.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya wartawan asing apakah reaksinya terhadap cadangan pihak peguambela Anwar mahu beliau memberikan keterangan di mahkamah dan menyamannya.

Menurutnya, pendirian itu dibuat kerana di Malaysia semua orang dianggap adil di sini undang-undang, tidak mengira sama ada ia membabitkan Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri.

"Kita berpendirian undang-undang tidak akan hanya dikuatkuasakan kepada seseorang yang tidak dikenali (masyarakat antarabangsa) saja. Setiap yang melanggar undang-undang, akan diadili dengan cara yang sama," katanya.

Anwar memfailkan saman malu RM100 juta terhadap Dr Mahathir dan peguam-peguamnya memberitahu mahkamah mereka bercadang memanggil Perdana Menteri sebagai saksi pembela dalam perbicaraannya terhadap empat pertuduhan rasuah.

Semalam, Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur memerintahkan Anwar membela diri terhadap empat tuduhan itu selepas membuat keputusan pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap beliau. Pembelaan akan bermula pada 8 Februari.

Menjawab soalan mengenai tanggapan asing bahawa demonstrasi yang berlaku di Malaysia menunjukkan sokongan terhadap Anwar dan pemerintahan yang tidak demokratik, beliau berkata negara sentiasa mengamalkannya dan buktinya ialah kerajaan yang ada hari ini ialah yang dipilih secara sah.

"Bagaimanapun, apa yang berlaku kini ialah ada usaha pihak tertentu yang menggunakan cara tidak demokratik seperti rusuhan dan demonstrasi untuk menjatuhkan kerajaan yang dipilih," katanya.

Menyelar tindakan Naib Presiden Amerika, Al Gore, yang menyokong gerakan reformasi di Malaysia, Perdana Menteri berkata: "Saya tidak tahu bagaimana seorang Demokrat datang ke negara kita dan menyarankan orang ramai supaya merusuh dan menjatuhkan kerajaan yang dipilih.

"Saya tidak tahu sama ada itu yang demokratik atau pilihan raya yang sah itu demokratik," katanya.

Kepada soalan seorang wartawan Australia ke mana rakyat boleh menyuarakan pendapat yang menjurus kepada seolah-olah di Malaysia tiada kebebasan bersuara, beliau secara sinis berkata: "Mereka boleh bercakap kepada media Australia...dan ada yang memang berbuat begitu.

Dr Mahathir juga menafikan tuduhan seorang lagi wartawan asing yang mendakwa kononnya Malaysia menekan kegiatan demonstrasi itu kerana kerajaan sedia ada tidak kukuh dan mungkin runtuh jika dibiarkan berterusan.

"Sebenarnya, di sebuah negara jiran, sebuah kerajaan jatuh kerana rusuhan dan demonstrasi yang berterusan. Malangnya di Malaysia, ada yang

berpendapat jika mereka boleh buat yang sama, mereka juga boleh menggulingkan kerajaan.

"Itulah niat mereka sebenarnya. Ia bukan sekadar menyatakan rasa hati kerana ia boleh diluahkan di mana saja. Malah Anwar sendiri selepas dilucutkan jawatannya pergi ke seluruh negara bertemu dengan ribuan rakyat kononnya di Malaysia tiada kebebasan bersuara. Ini semua karut," katanya.

Perdana Menteri turut menyelar kecenderungan Barat yang lantang bercakap mengenai keadilan undang-undang, tetapi apabila ia dikuatkuasakan terhadap individu tertentu, mereka tidak suka.

Dr Mahathir sekali lagi menegaskan bahawa proses keadilan di Malaysia akan tetap dilaksanakan dan tidak akan dihentikan hanya semata-mata kerana desakan pihak tertentu atau demonstrasi.

(END)